

## Kerangka Akidah dalam Kurikulum Pendidikan Rendah di Malaysia

### Belief Framework in the Primary Education Curriculum in Malaysia

MOHD HAIDI MOHD KASRAN

#### ABSTRAK

*Kajian ini bertujuan untuk melihat sejauh mana hubungan akidah dengan Falsafah Pendidikan Negara (FPN) dan Falsafah Pendidikan Islam (FPI). Kajian ini juga adalah untuk meninjau unsur akidah dalam Kurikulum Pendidikan Islam serta meneliti kerangka akidah Islam dalam Kurikulum Sekolah Rendah. Kaedah kepustakaan melalui bahan-bahan ilmiah dan analisis dokumen melalui teks pendidikan Islam sekolah rendah secara analisis kandungan (Content Analysis) digunakan dalam memperoleh maklumat kajian. Menurut dapatan kajian, di Malaysia, unsur akidah telah terpancar melalui wadah pendidikan di peringkat rendah lagi. Berdasarkan FPN, FPI, dan amalan Ahli Sunnah Wal Jamaah yang mendasari keyakinan umat Islam di negara ini.*

*Kata kunci: Akidah; Falsafah Pendidikan Negara; Falsafah Pendidikan Islam; Ahli Sunnah Wal Jamaah*

#### ABSTRACT

*The purpose of this study is to examine the relationship between belief (Akidah) and the National Education Philosophy (Falsafah Pendidikan Negara) and the Islamic Education Philosophy (Falsafah Pendidikan Islam). Additionally, this study will examine the Islamic Education Curriculum's (Kurikulum Pendidikan Islam) elements of belief, as well as the Islamic belief framework in the Primary School Curriculum (Kurikulum Sekolah Rendah). Library methods, such as scientific materials and document analysis, as well as content analysis of primary Islamic education texts, were used to gather research data. According to the study's findings, the element of belief has been transmitted through the primary education system in Malaysia. The National Education Philosophy (Falsafah Pendidikan Negara), the Islamic Education Philosophy (Falsafah Pendidikan Islam), and the practise of Ahli Sunnah Wal Jamaah all influence the beliefs of Muslims in this country.*

*Keywords: Belief; Philosophy of National Education; Philosophy of Islamic Education; Ahli Sunnah Wal Jamaah*

#### PENDAHULUAN

Pengetahuan isi kandungan akidah merupakan komponen dalam subjek Pendidikan Islam di sekolah rendah. Tujuan utama pendidikan agama Islam ialah menjadikan agama itu sesuatu yang bernilai pada diri murid-murid. Setiap pendedahan pendidikan agama ini akan memberi kesan dalam tingkah laku kehidupan mereka (Muhammad Salih 1983). Pendidikan Islam juga mempunyai kedudukan yang amat penting dan menjadi bahagian yang tidak dapat dipisahkan daripada Islam dan merupakan satu ibadat yang besar. Kedudukan pendidikan itu amat jelas apabila kita meneliti ayat al-Quran pertama yang diturunkan. Perkara ini tidak dimulai dengan perintah yang berhubung perkara lain seperti ibadat, tetapi dimulakan dengan

perintah yang berhubung dengan pendidikan. Dalam konteks Islam, penerapan modal insan berkualiti harus disulami dengan akidah Islamiyah iaitu tauhid berasaskan keimanan sepenuhnya terhadap keesaan Allah Taala (*Tauhidullah*). Ketauhidan kepada Allah ini bukanlah semata-mata meyakini kewujudan-Nya, bahkan hal ini dihadihkan kepada seluruh manusia sebagai sebuah model yang unggul demi kesejahteraan kehidupan di dunia dan akhirat (Mohd Shafiee et al. 2015).

Dalam konteks elemen akidah, konsep keyakinan ini tidak terbentuk dengan mudah kerana hal ini adalah sesuatu yang mantap di lubuk hati yang memerlukan kejelasan fikiran yang dikukuhkan dengan dalil-dalil *naqliyyah* dan *'aqliyyah* sehingga menghilangkan sebarang keraguan. Dalil-dalil ini semestinya diterima akal dengan penuh kerelaan

dan ketenangan. Oleh itu, pengajaran akidah memerlukan penggunaan bahasa, contoh dan bukti yang mudah difahami, idea yang bernas dan penggunaan ayat al-Quran yang berkaitan dengan tajuk yang dibincangkan untuk mensabitkan hujah akal dan memberi impak kepada akal secara maksimum (Ahmad Yunus & Ab. Halim 2010).

Firman Allah SWT:

“Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang menciptakan sekalian makhluk”

(Surah Al-`Alaq: 1)

Jelasnya, akidah ini merupakan suatu perkara yang mempunyai hubungan dengan kepercayaan dan keyakinan yang berpusatkan di jiwa, hati, dan naluri. Perasaan yang benar-benar yakin tanpa kebimbangan, was-was, syak, dan wasangka. Akidah dapat dihayati dalam segenap aspek kehidupan sebagai satu ibadat yang sangat diyakini iaitu didasari melalui Rukun Iman; keimanan kepada Allah, Rasul, Malaikat, Kitab, Hari akhirat dan Qada' dan Qadar-Nya. Keyakinan ini selari dengan hakikat yang sebenar seperti yang diyakini oleh Rasulullah SAW dan para sahabat yang menjadi pegangan Ahli Sunnah wa al-Jamaah serta disokong dengan dalil dan nas bersumberkan al-Quran (Mustafa 1996).

Seterusnya, dapat dilihat juga perkembangan intelek dapat direalisasikan menerusi penelitian terhadap ayat-ayat al-Quran dan pemerhatian kepada unsur-unsur alam. Penelitian dan pemerhatian tersebut berupaya mendorong kepada keyakinan kepada Allah dan kekuasaan-Nya. Selain perkembangan intelek, perkembangan spiritual juga merupakan salah satu tujuan pendidikan Islam kerana terdapat unsur roh dalam diri insan yang berkaitan dengan aspek-aspek keimanan dan keyakinan kepada Allah SWT dan penghayatan rukun iman (Asmawati 2012).

#### TUJUAN KAJIAN

1. Melihat sejauh mana hubungan akidah dengan FPN dan FPI.
2. Meninjau unsur akidah dalam Kurikulum Pendidikan Islam.
3. Meneliti Kerangka Akidah Islam dalam Kurikulum Sekolah Rendah.

#### METODOLOGI

Kajian ini adalah untuk meninjau unsur akidah dalam Kurikulum Pendidikan Islam serta meneliti

kerangka akidah Islam dalam Kurikulum Sekolah Rendah. Kaedah kepustakaan melalui bahan-bahan ilmiah seperti buku, jurnal, dan akhbar digunakan untuk mencari dan menerangkan data penyelidikan. Seterusnya, kandungan buku teks pendidikan Islam Sekolah Rendah bidang akidah diteliti untuk menganalisis kandungan (*Content Analysis*) berteraskan pendekatan akidah bagi memperoleh maklumat kajian.

#### PERBINCANGAN

##### HUBUNGAN AKIDAH DENGAN FALSAFAH PENDIDIKAN NEGARA DAN FALSAFAH PENDIDIKAN ISLAM

Falsafah merupakan komponen yang paling utama dan tertinggi dalam pendidikan, kerana bentuk manusia yang ingin dilahirkan adalah bergantung kepada falsafahnya. Pendidikan diertikan sebagai pemindahan nilai-nilai dari generasi ke generasi sama ada ilmu atau kemahiran, sedangkan nilai-nilai ini adalah ditentukan oleh falsafahnya yang didasari melalui sistem pendidikan.

##### UNSUR AQIDAH DALAM FALSAFAH PENDIDIKAN NEGARA

Falsafah Pendidikan Negara (FPN) mula diperkenalkan di Malaysia pada tahun 1987. Pada dasarnya, penggubalan FPN memperlihatkan hasrat Malaysia yang kuat dalam merekayasa modal insan dengan melangkah setapak ke hadapan dalam era pendidikan. Ini kerana Malaysia telah memperkenalkan falsafah pendidikan yang tersendiri dan seterusnya menyatakan dengan jelas matlamat dan hala tuju sistem pendidikan negara. Oleh itu, penggubalan FPN ini telah membuktikan bahawa Malaysia mempunyai acuannya tersendiri dalam merekayasa modal insan cemerlang dan tidak mengikut acuan yang diguna pakai oleh negara-negara lain (Kementerian Pendidikan Malaysia). FPN seperti mana yang tertulis dalam dokumen rasmi kerajaan adalah seperti berikut:

Pendidikan di Malaysia adalah satu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.

(Kementerian Pendidikan Malaysia)

Falsafah ini memberi implikasi kepada sistem pendidikan negara melalui pendekatan bersepadu yang menekankan pengembangan potensi insan secara menyeluruh, seimbang, dan bersepadu. Pendekatan ini mampu mendidik bukan sahaja akal, tetapi juga hati sehingga modal insan tersebut mengiktiraf kewujudan Pencipta, menundukkan sifat-sifat ego, dan membolehkan mereka membangunkan sifat kehambaan hanya kepada Pencipta (Nur Hafizoh & Rohana 2013). Apabila falsafah tersebut dicerakinkan dengan teliti, jelas terlihat elemen atau unsur akidah yang dijadikan dasar kepada falsafah tersebut. Frasa “*berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan*” dalam teks FPN menunjukkan dengan jelas pengaruh akidah sebagai teras dan dasar bagi segala aktiviti pendidikan di Malaysia.

Tajul Arifin (2005) ketika menganalisis frasa yang menjadi tunjang kepada FPN ini menyatakan bahawa frasa ini bertujuan untuk menanamkan keyakinan bahawa manusia dan segala bahan dan sumber alam tidak terjadi dengan sendirinya tetapi di sebalik semua itu ada Tuhan yang menciptakan segala sesuatu. Keyakinan yang ditanam kukuh ini berupaya menghasilkan kepatuhan kepada Pencipta dalam setiap perbuatan dan aktiviti manusia di bumi ini. Jelas beliau:

Kepercayaan ialah keyakinan bahawa manusia dan alam sekitar tidak terjadi secara sendiri tetapi ada Penciptanya. Hukum-hukum alam adalah hukum-hukum Tuhan. Oleh itu, manusia harus patuh kepada Tuhan dan memikul amanah dan tanggungjawab kepada-Nya dalam usaha mentadbir dan memakmurkan alam bagi mencapai kesejahteraan hidup di dunia dan di akhirat. Kedua-dua konsep ini dapat diguna untuk memurnikan kaedah dan pemikiran saintifik Barat yang dimulai dengan keraguan. Sedikit demi sedikit pelajar diorientasikan supaya meragui agama, ilmu wahyu dan ketuhanan. Justeru, berdasarkan pendidikan sepadu, pendidikan perlu dimulai dengan keyakinan kepada ilmu wahyu dan bermatlamatkan pematapan kepercayaan kepada Tuhan.

(Tajul Arifin 2005)

Sebagai tunjang kepada falsafah tersebut, sudah tentu akidah menjadi elemen yang perlu diterapkan dalam semua aktiviti pembelajaran di sekolah-sekolah di Malaysia. Justeru, elemen akidah yang diterapkan merentasi kurikulum pembelajaran di Malaysia, dan seterusnya berperanan menjadi pedoman yang menunjukkan kepada arah pola fikir (tasawur) modal insan di Malaysia. Pemikiran yang bermatlamatkan Tuhan ini bukanlah suatu perkara yang janggal kerana pemikiran dalam bentuk tersebut amat selari dengan tujuan penurunan al-Quran iaitu menjadikan agama yang berpaksikan akidah tauhid

ini sebagai *manhaj* kehidupan manusia. Oleh itu, garapan FPN dilihat begitu unik kerana unsur akidah berasaskan ketuhanan yang menjadi dasar atau tunjang.

#### UNSUR AQIDAH DALAM FALSAFAH PENDIDIKAN ISLAM

Sarjana Pendidikan Islam mentafsirkan Falsafah Pendidikan Islam ialah falsafah yang menentukan tujuan akhir, maksud, objektif, nilai, dan cita-cita yang telah ditentukan terlebih dahulu oleh falsafah hidup Islam dan dilaksanakan dalam proses pendidikan. Al-Syaibani menjelaskan, Falsafah Pendidikan Islam ialah falsafah yang dirancang dengan hikmah untuk menjadikan proses dan usaha pendidikan bagi suatu bangsa (Ahmad Yunus dan Ab. Halim 2010). Pendidikan juga menyiapkan generasi muda dan warganegara sesebuah negara supaya beriman kepada Allah dan berpegang teguh kepada syariat Islam.

Falsafah Pendidikan Islam amat diperlukan bagi tujuan pendidikan Islam;

1. Membantu merancang pendidikan untuk melahirkan pemikiran yang sihat terhadap proses pendidikan.
2. Menjadi asas terbaik untuk menilai sistem pendidikan negara dalam erti kata yang menyeluruh.
3. Membentuk asas pendidikan khususnya dalam kaedah pengajaran di sekolah, universiti, dan institusi pendidikan yang lain.
4. Membina suatu identiti sendiri bagi sistem pendidikan negara dengan wujudnya nilai Islam dalam perkembangan kebudayaan dan masyarakat.
5. Menyelesaikan krisis dan masalah yang timbul dalam sistem pendidikan.

Keperluan untuk menyatakan FPI secara tersurat mula disadari oleh Jawatankuasa Penggubal Sukatan/ kurikulum pendidikan Islam KBSR. Beberapa siri perbincangan cendekiawan Islam telah diadakan. Hasilnya pernyataan FPI KBSR dirumuskan seperti berikut:

“Pendidikan Islam adalah satu usaha berterusan untuk menyampaikan ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah, bagi membentuk sikap, kemahiran keperibadian dan pandangan hidup sebagai hamba Allah yang mempunyai tanggungjawab untuk membangunkan diri, masyarakat, alam sekitar dan negara ke arah mencapai kebaikan di dunia dan kesejahteraan abadi di akhirat.”

(Kementerian Pendidikan Malaysia)

Penyataan falsafah ini menegaskan bahawa pengajaran dan pembelajaran dalam subjek pendidikan Islam memberi penekanan kepada aspek-aspek seperti berikut:

1. Ilmu dan pengetahuan.
2. Kemahiran atau amalan.
3. Penghayatan terhadap syariat Islam.
4. Pembentukan sikap.
5. Pemupukan pandangan hidup atau pemikiran Islam.
6. Tanggungjawab membangun diri, masyarakat, alam sekitar dan negara.
7. Penekanan kesejahteraan abadi di akhirat.

FPI yang berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah dalam membentuk sikap kemahiran, keperibadian dan pandangan hidup hamba Allah (pelajar) yang mempunyai tanggungjawab untuk membangun diri, masyarakat, alam sekitar, dan negara ke arah mencapai kebahagiaan dan kesejahteraan di dunia dan kesejahteraan abadi di akhirat bertepatan secara umumnya dengan falsafah Islam yang berpaksikan kepada tauhid. Falsafah Islam ini membincangkan tentang hal-hal ketuhanan dan cuba mencari hakikat manusia dan kejadian alam serta mengatur dan mentadbir perjalanan seluruh kandungan alam ini (Mohd Yusuf 2004). Hal ini dapat dihayati dengan firman Allah yang bermaksud:

Allah mengurniakan ilmu hikmah kepada siapa sahaja yang Dia kehendaki. Sesiapa yang diberi hikmah, maka sesungguhnya ia telah diberi kebaikan yang banyak.

(Surah al-Baqarah: 169)

Melalui falsafah pendidikan ini, dapat diteliti bahawa matlamat pendidikan Islam mempunyai empat hala tuju iaitu:

1. Melahirkan insan kamil yang beriman, bertakwa, dan beramal soleh. Orang yang beriman dan beramal soleh telah dijanjikan oleh Allah SWT dengan kejayaan di dunia dan di akhirat.
2. Melahirkan anggota masyarakat dan warganegara yang sempurna, berakhlak mulia dan bertanggungjawab kepada diri, keluarga, masyarakat, negara dan agama kerana Allah SWT. Hal ini dijelaskan oleh Rasulullah SAW dalam hadis yang bermaksud:

“Setiap seorang daripada kamu adalah pemimpin. Tiap-tiap kamu bertanggungjawab ke atas pimpinannya. Pemerintah adalah pemimpin, maka ia bertanggungjawab ke atas rakyat. Seorang lelaki adalah pemimpin, maka ia bertanggungjawab terhadap ahli keluarganya. Manakala seorang perempuan itu pula adalah pemimpin dan ia bertanggungjawab terhadap ahli rumahnya, suaminya

dan anaknya. Orang gaji adalah penjaga harta bendanya, maka ia adalah bertanggungjawab terhadap harta tersebut. Tiap-tiap orang daripada kamu adalah pemimpin dan bertanggungjawab terhadap pimpinannya.”

3. Menanamkan semangat cintakan Allah agar dapat melaksanakan segala suruhan dan meninggalkan segala larangan-Nya. Gemar kepada amal ibadat khusus yang berpusat di masjid. Patuh serta menyerah diri kepada Allah SWT. Menghormati ulama, ibu bapa, orang yang lebih dewasa dan menjamin kebebasan beragama dalam kalangan masyarakat yang bukan Islam.
4. Mengembangkan bakat intelektual secara bebas dan demokrasi kepada kadar yang paling maksimum. Ini semua berdasarkan bimbingan wahyu untuk mencetuskan manusia dan menguasai alam ini untuk kebahagiaan, kemakmuran dan kesejahteraan manusia sejagat.

Seterusnya, dapat dilihat melalui objektif pendidikan yang dinyatakan sebagai objektif khusus pendidikan Islam itu sendiri, objektif tersebut adalah seperti berikut:

1. Mengajar murid-murid didikan agama supaya mengenal Tuhan yang menjadikan langit dan bumi, memberikan kehidupan dan nikmat, dan menyediakan balasan baik dan jahat di dunia dan akhirat.
2. Mendidik jiwa murid-murid sehingga mencetuskan kesedaran beragama yang mendalam dalam jiwa mereka.
3. Mendidik jiwa murid-murid supaya beramal dengan akhlak yang terpuji sejak kecil di samping membimbing mereka supaya menghargai kemuliaan tingkah laku dan beramal dengan tuntutannya.
4. Menunjukkan murid-murid bahawa semua ajaran agama, baik dari segi suruhan atau larangan, adalah bertujuan untuk kebaikan diri seseorang dan faedahnya terpulang kepada masyarakat. Tujuannya adalah untuk menghindarkan kejahatan dan perkara yang memudaratkan bagi diri individu dan masyarakat.
5. Menambahkan pengetahuan murid-murid tentang kelebihan-kelebihan hukum agama yang berasaskan kepada al-Quran dan al-Sunnah.
6. Memupuk kecenderungan dalam jiwa murid-murid perasaan suka mempelajari al-Quran dan membacanya. Mengajar mereka membaca al-Quran dengan betul tentang bunyi, baris, dan tempat berhenti.

7. Mengajar hadis-hadis Nabi SAW supaya murid-murid mendapatkan pengajaran dari segi kesopanan, adab dan tingkah laku.
8. Mengamalkan teladan yang baik daripada biografi Rasulullah SAW, para sahabat dan pahlawan-pahlawan Islam yang berjasa.

Berdasarkan pernyataan di atas, dapat diteliti bahawa pendidikan Islam merupakan salah satu daripada usaha berterusan untuk menerapkan ilmu pengetahuan agama Islam kepada para pelajar dan masyarakat awam. Ia merangkumi usaha memberi pengetahuan tentang agama Islam yang meliputi akidah, syariah dan akhlak. Semuanya menekankan kepada penghayatan terhadap akidah dan kepercayaan dalam Islam, pelaksanaan ibadat-ibadat khusus dan umum serta memberikan panduan dalam membentuk sikap bertanggungjawab dalam diri terhadap pencipta, manusia dan alam. Dalam usaha menjadikan kehidupan seorang insan itu memiliki cara hidup yang berlandaskan ajaran Islam yang sebenar, maka ilmu yang disampaikan mestilah mengikut kaedah yang betul dan memudahkan masyarakat terutama para pelajar memahami isi kandungan agama Islam.

Secara jelasnya, melalui unsur akidah dalam FPN dan FPI, dapat dilihat bahawa perkara pokok dalam proses keimanan dan keyakinan kepada Allah SWT sebagai tuhan yang esa dan yang menciptakan manusia serta sekalian alam. Keimanan ini disandar dengan bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah sebagai penunjuk arah yang utama dalam hubungan manusia dengan Tuhan, manusia dengan manusia, dan manusia dengan alam. Kesemua hal ini merupakan satu matlamat ke arah kehidupan manusia yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, dan intelektual. Ini bermakna walaupun kehidupan manusia mempunyai pelbagai agenda dan urusan dunia, namun setiap perbuatan dan aktiviti yang dilaksanakan di muka bumi ini berlandaskan panduan-panduan yang telah ditetapkan oleh Allah SWT kepada hamba-Nya.

#### UNSUR-UNSUR AKIDAH DALAM KURIKULUM PENDIDIKAN ISLAM

Melalui Akta Pelajaran 1961, telah dijelaskan bahawa pendidikan Islam merupakan kewajipan kerajaan yang memerintah negara. Sehubungan dengan itu, seorang murid yang beragama Islam selama ia masih bersekolah rendah dan menengah haruslah diberi pendidikan agama Islam yang sewajarnya. Berkait dengan hal ini, kurikulum

pendidikan agama Islam telah diwujudkan untuk murid-murid di sekolah (Abdul Hamid 1993).

Seterusnya, menurut Muhammad Salih (1983), beliau menegaskan bahawa pendidikan agama Islam di sekolah rendah ialah pendidikan untuk menanam akidah kepercayaan sebagai mengisi keperluan mereka terhadap agama kerana pada umur yang masih mentah, golongan ini boleh menerima pelajaran tanpa banyak persoalan. Oleh itu, pada peringkat ini, pendedahan terhadap pendidikan al-Quran dan al-Sunnah perlulah diajar kepada mereka mengikut kesesuaian akal dan tahap pemikiran. Penerapan ini akan menjadi pegangan beragama mereka sehingga pengajian di peringkat tinggi lagi.

Pendidikan Islam telah dijadikan sebagai satu mata pelajaran teras di semua sekolah kebangsaan, sekolah jenis kebangsaan, dan juga sekolah menengah kebangsaan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia. Berdasarkan Akta Pendidikan, pihak sekolah wajib memberikan peluang kepada pelajar yang beragama Islam untuk belajar mata pelajaran pendidikan Islam. Pada peringkat sekolah rendah, bermula Tahun 1 sehingga Tahun 6, murid-murid yang beragama Islam diwajibkan mempelajari mata pelajaran pendidikan Islam termasuklah subjek akidah selain subjek lain seperti ibadah, tilawah, akhlak dan pelajaran jawi (Ab. Tamuri & Kamarul Azmi 2009).

Pendidikan Islam mempunyai prinsip-prinsip Islam yang bersifat universal dan kebenarannya tidak mampu dipertikaikan. Ini kerana Islam adalah agama yang tetap dan sesuai untuk diamalkan tanpa mengira batas waktu, tempat dan latar belakang manusia yang mengamalkannya sesuai dengan fungsinya sebagai agama terakhir yang diturunkan Allah kepada manusia sehingga akhir zaman. Prinsip-prinsip Islam berperanan sebagai panduan dalam seluruh kehidupan manusia melalui pengajaran-pengajaran yang berdasarkan dua sumber utama iaitu al-Quran dan al-Sunnah Rasulullah SAW (Mardzelah et al. 2016).

Kedua-dua sumber tersebut telah menggariskan strategi dan pendekatan yang dijadikan panduan bagi membentuk kaedah-kaedah yang tepat dan sesuai dalam melaksanakan proses pendidikan yang dapat membawa umat manusia ke arah kesejahteraan di dunia dan akhirat.

Pendekatan pendidikan Islam yang digariskan dalam al-Quran dan al-Sunnah bertujuan untuk mengubah perilaku orang-orang yang beriman melalui pengajaran dan pembelajaran akidah. Sidek (2017) menyatakan bahawa akidah tauhid menjadi perkara pokok dalam Islam. Hal ini menjadi

tunjangan dalam ibadah, syariah dan akhlak. Tunjangan ini mempunyai sifat merentasi kerana akidah tauhid tidak sekadar suatu ikatan (*aqaid*) kepercayaan dan keyakinan terhadap pencipta, tetapi keyakinan ini terserlah dalam ibadah, terlihat dalam syariah dan tercerna dalam akhlak. Ia bukan sesuatu yang terpisah. Implikasi tauhid yang tercetus dalam lafaz, tiada Tuhan melainkan Allah, Nabi Muhammad pesuruh-Nya memberi kesan yang sangat besar dan mendalam kepada keyakinan, amalan atau penghayatan setiap manusia yang hidup di dunia ini.

Seterusnya, matlamat pendidikan Islam sekolah rendah adalah untuk menghasilkan insan yang berilmu, beriman, beramal soleh dan berakhlak mulia dengan menjadikan al-Quran dan al-Sunnah sebagai panduan dan sumber utama dalam kehidupan seharian supaya menjadi hamba Allah yang berjaya di dunia dan akhirat. Selanjutnya, terdapat beberapa objektif untuk murid yang mengikuti pengajaran dan pembelajaran kurikulum piawai pendidikan Islam sekolah rendah seperti yang dijelaskan di bawah:

1. Membaca al-Quran dengan betul dan bertajwid serta mengamalkan pembacaannya dalam kehidupan seharian;
2. Menghafaz surah-surah terpilih daripada juzu' amma untuk bacaan dalam solat dan ibadat harian;
3. Memahami maksud beberapa surah yang dipelajari dan menghayati pengajarannya;
4. Membaca dan memahami hadis-hadis terpilih serta menghayati pengajarannya;
5. Memahami dan meyakini asas-asas keimanan sebagai pegangan akidah dan benteng keagamaan;
6. Memahami dan mengamalkan ibadat-ibadat asas fardu 'ain dan fardu kifayah sebagai kewajipan umat Islam;
7. Memahami dan mengambil iktibar daripada sirah Rasulullah SAW bagi menanam rasa kecintaan kepada baginda;
8. Memahami dan mengamalkan adab serta menghayati nilai-nilai akhlak dalam kehidupan seharian; dan
9. Membaca dan menulis jawi serta mencintainya sebagai warisan budaya bangsa.

Kurikulum piawai pendidikan Islam sekolah rendah memberi penekanan kepada kemahiran membaca al-Quran, hadis, pemantapan asas-asas

akidah, ibadah, akhlak, dan sirah Rasulullah SAW serta kemahiran jawi. Pada akhir pembelajaran pendidikan Islam sekolah rendah, murid mampu memahami, mengamal, dan menghayati tuntutan fardu ain dan fardu kifayah dalam kehidupan harian selaras dengan matlamat pendidikan Islam yang dirumuskan seperti berikut:

1. Mempersiapkan warganegara yang baik.
2. Membentuk manusia memiliki keperibadian yang unggul.
3. Membekalkan anak didik dengan ilmu pengetahuan.
4. Mendidik manusia ke arah kecemerlangan rohani dan jasmani.
5. Membentuk akhlak yang sempurna sebagai manusia yang ideal.
6. Kebolehan dan kecekapan dalam kerja supaya dapat hidup bahagia.

Berdasarkan Kurikulum Standard, pendidikan Islam sekolah rendah adalah pendidikan awal yang wajib dipelajari oleh setiap murid Islam dari Tahun 1 hingga Tahun 6. Pendidikan Islam sekolah rendah memenuhi tuntutan fardu ain dan menekankan kemahiran-kemahiran asas yang perlu dikuasai oleh individu Muslim. Selaras dengan proses perkembangan intelek, rohani, emosi dan jasmani murid-murid. Merangkumi aspek keimanan, kemanusiaan, kemasyarakatan dan kenegaraan. Dalam penulisan ini, aspek keimanan difokuskan untuk merujuk kepada unsur pengajaran akidah diterapkan dalam pendidikan Islam sekolah rendah.

Antara elemen akidah yang dapat dilihat melalui DSKP Pendidikan Islam sekolah rendah iaitu; Murid menyatakan konsep asas akidah; Murid menjelaskan konsep akidah; Murid menjelaskan konsep akidah dan mengklasifikasikan kefahaman dalam kehidupan harian; Murid menghuraikan kefahaman konsep akidah dengan menjadikan sebagai pegangan dalam kehidupan harian; Murid menganalisis kefahaman konsep akidah dan menjadikan sebagai asas dalam tindakan dalam kehidupan harian, serta; Murid merumuskan kefahaman konsep akidah serta menjadikan sebagai asas tindakan dalam kehidupan harian dan boleh dicontohi atau membimbing orang lain. Berdasarkan DSKP Pendidikan Islam sekolah rendah ini, konsep akidah asas yang bersesuaian dengan tahap pemikiran dan usia murid-murid ini. Konsep mengenali Allah dan seterusnya beriman dengan-Nya membawa kepada hubungan dengan subjek lain seperti ibadah dan akhlak.

## KERANGKA AKIDAH ISLAM DALAM KURIKULUM SEKOLAH RENDAH

Pendidikan merupakan satu wadah yang amat penting dalam usaha memartabatkan ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah (ASWJ) seperti yang dijelaskan oleh Adam (2016), mazhab yang dianuti oleh umat Islam di Malaysia umumnya ialah mazhab Asya'irah yang dinisbahkan kepada Imam Abu Hasan al-Asy'ari (324 H). Peruntukan Islam sebagai agama persekutuan dalam perlembagaan membawa maksud Islam sebagai agama yang dianuti dan diamalkan oleh majoriti rakyat dan juga pemerintah di negara ini.

Oleh itu, usaha memberi kefahaman terhadap kandungan ajaran ASWJ mesti dipergiatkan terutamanya melalui pendidikan sama ada melalui pendidikan secara formal atau sebaliknya. Seharusnya kandungan pelajaran yang dimasukkan dalam silibus mampu memberi kefahaman yang jelas kepada murid mengenai kedudukan ajaran ASWJ. Pendekatan teknik pengajaran turut memberi kesan yang penting terutamanya dalam memberi kefahaman tentang *sam'iyat*. Kegagalan pada peringkat pendidikan awal memungkinkan seseorang itu mudah terdedah kepada ancaman ajaran yang menyeleweng atau lebih cenderung menggunakan logik akal semata-mata (Shakila et al. 2013).

ASWJ merupakan kelompok besar umat Islam bermula daripada para sahabat tanpa ada akhirnya meliputi para ilmuwan dan ahli ijthad yang memegang akidah yang dibawa oleh Rasulullah SAW dan akidah para sahabat. Mereka menjadikan al-Quran dan al-Sunnah serta ijthad sebagai panduan dalam kehidupan. Perlu juga dinyatakan bahawa gelaran ASWJ tidak digunakan pada zaman sahabat dan para tabiin bagi membezakan golongan yang benar dengan golongan bidaah atau kelompok sesat. Kelompok ini hanya digunakan dengan meluas pada abad ketiga dan keempat hijrah iaitu kesan daripada kemunculan beberapa mazhab atau aliran yang menyeleweng daripada Islam (H. Harun Nasution et al. 1992).

Shakila et al. (2013) menjelaskan ASWJ mempunyai manhaj atau metodologi yang jelas dalam akidah dan hukum. Mereka telah meletakkan Kalam Allah, Sunnah, dan Ijma' sebagai sumber utama dalam akidah dan hukum hakam, sementara akal yang sejahtera dan fitrah yang murni sebagai sumber pelengkap kepada ibadah. Kaedah ini sekali gus menolak perkara-perkara bidaah yang sentiasa

muncul di sepanjang zaman. Berikut antara *manhaj* atau metodologi yang digunakan oleh ASWJ dalam kehidupan sebagai hamba Allah seperti berikut:

1. Mendahulukan dan mengutamakan nas al-Quran dan al-Sunnah mengatasi segala yang lain.
2. Mentafsir al-Quran dengan al-Quran.
3. Mentafsir al-Quran dengan al-Sunnah.
4. Mengutamakan pendapat dan kata-kata para sahabat dan para tabiin.
5. Menggunakan ijma' ulama sebagai rujukan.
6. Mengutamakan penggunaan kaedah-kaedah bahasa Arab dan uslubnya dalam membahaskan permasalahan akidah.
7. Mengutamakan makna yang zahir ayat-ayat al-Quran dan tidak memindahkan kepada makna yang lain kecuali dengan dalil yang sah.
8. Melalui ayat-ayat al-Quran yang menyatakan mengenai Allah SWT maka hendaklah perbanyakkan penggunaan kaedah menyucikan Allah SWT daripada makna zahirnya yang menunjukkan penyerupaan dan kesamaan sifat-sifat Allah dengan sifat-sifat makhluk.
9. Meyakini bahawa akal manusia lemah untuk memahami perkara-perkara *ghaibiyat*.
10. Mengelakkan perdebatan dengan ahli bidaah. Tidak akan bertegang urat dengan ahli bidaah atau menghadiri majlis yang melibatkan perdebatan ahli bidaah.
11. Tidak mencampuradukkan akidah dengan perkara-perkara yang tidak mampu difikirkan oleh akal. Meyakini bahawa akal manusia lemah untuk memahami perkara-perkara *ghaibiyat*.

Masyarakat Islam di Malaysia secara umumnya berpegang dengan akidah ASWJ. Sejarah mencatatkan umat Islam Malaysia sejak turun temurun telah mengamalkan ajaran Islam menurut pentafsiran ASWJ (Adam 2016). Oleh itu, segala perilaku dan amalan penganut Islam di negara ini seharusnya berlandaskan kepada pegangan dan fahaman akidah ASWJ dari semua segi termasuklah hal berkaitan dengan persoalan pendidikan.

Berdasarkan pernyataan di atas, perkara ini dapat dihubungkan dalam kurikulum Pendidikan Islam Sekolah Rendah (Kebangsaan) bagi Tahap 1 (Tahun 1, 2 dan 3) dan Tahap 2 (Tahun 4, 5 dan 6) untuk dilihat pemilihan unsur akidah melalui sukatan pelajaran ataupun DSKP Pendidikan Islam yang merangkumi bidang akidah seperti Rukun Iman, Rukun Islam, Asmaul Husna, Sifat 20, dan Penyelewengan Akidah yang terdapat dalam

buku teks Pendidikan Islam yang digunakan di sekolah-sekolah kebangsaan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia dan diterbitkan oleh Dewan

Bahasa dan Pustaka (DBP) seperti maklumat di bawah:

Bil	Tahun	Unsur akidah
1.	Satu	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Iman peganganku</li> <li>2. Islam cara hidupku</li> <li>3. Tuhanku ar-Rahman ar-Rahim</li> </ol>
2.	Dua	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kenali sifat Allah</li> <li>2. Tuhanku al-Ahad dan al-Samad</li> <li>3. Malaikat yang setia</li> </ol>
3.	Tiga	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Nama-nama Allah <ul style="list-style-type: none"> <li>• Allah 'Alimu dan al-Hakim</li> <li>• Beriman kepada kitab</li> </ul> </li> </ol>
4.	Empat	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Beriman kepada qada' dan qadar</li> <li>2. Sifat Allah <ul style="list-style-type: none"> <li>• Wahdaniat</li> <li>• Qudrat</li> </ul> </li> <li>3. Asmaul Husna <ul style="list-style-type: none"> <li>• Salam</li> <li>• Hadi</li> </ul> </li> <li>4. Lakukan kebaikan, jauhi kemungkaran</li> </ol>
5.	Lima	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Sifat-sifat Allah <ul style="list-style-type: none"> <li>• Iradat</li> <li>• Ilmu</li> <li>• Hayat</li> </ul> </li> <li>2. Asmaul Husna <ul style="list-style-type: none"> <li>• Sobur</li> <li>• Muntaqim</li> </ul> </li> </ol>
6.	Enam	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Sifat-sifat Allah <ul style="list-style-type: none"> <li>• Sama'</li> <li>• Basar</li> <li>• Kalam</li> </ul> </li> <li>2. Asmaul Husna <ul style="list-style-type: none"> <li>• Al-Hasib</li> <li>• Dzuljalali Wal Ikram</li> </ul> </li> <li>3. Jauhi Syirik</li> <li>4. Beriman dengan Sam'iyat</li> </ol>

Melalui prinsip-prinsip dan metodologi yang disepakati ASWJ yang mendahului dan mengutamakan nas al-Quran dan al-Sunnah yang berteras kepada keimanan kepada Allah SWT, mendasari Rukun Islam dan Rukun Iman sebagai asas keyakinan dalam ketaatan kepada Allah dan mengikut segala perintah-Nya serta menjauhi segala larangan-Nya. Amalan ASWJ juga menyeru kepada

umat Islam untuk melakukan perkara-perkara yang baik dan diredai Allah SWT. Hal ini bertepatan dengan firman Allah yang bermaksud:

Dan mereka tiadalah disuruh melainkan supaya menyembah Allah serta mengikhhlaskan agama bagi-Nya (Beribadah mengharapkan keredaan-Nya) sambil cenderung kepada tauhid.

(Surah al-Bayyinah 98:6)



Manusia juga perlu mengenal Allah dari segi zat dan sifat-Nya dan mengenal para rasul yang membawa risalah dan petunjuk agama kepada manusia kerana tujuan manusia dijadikan hanyalah untuk menyembah dan mentaati Allah seperti firman Allah berikut:

Tidak aku jadikan manusia dan jin itu melainkan untuk beribadat kepadaKu

(Surah al-Zariyat, 56:51)

Berhubung dengan kandungan pelajaran akidah yang diperoleh daripada DSKP dan sumber buku teks pendidikan Islam Tahun 1 hingga Tahun 6, persoalan tentang keimanan, sifat-sifat Allah, nama-nama Allah (Asmaul Husna), melakukan kebaikan, meninggalkan kejahatan dan penghayatan dan keyakinan melalui Rukun Islam dan Rukun Iman dilihat mempunyai persamaan antara pegangan ASWJ dengan kerangka akidah dalam pendidikan peringkat sekolah kebangsaan di Malaysia. Persamaan ini dilihat ketara dengan mendahulukan keimanan hanya kepada Allah yang merupakan Pencipta manusia dan seluruh alam ini. Setelah diteliti, sepanjang enam tahun murid-murid di sekolah rendah mempelajari ilmu akidah melalui pendidikan Islam, konsep keimanan dan kepercayaan merupakan perkara asas untuk dipelajari dan dihayati oleh murid-murid.

Jelasnya, penerapan unsur akidah melalui silibus pendidikan Islam sekolah rendah dilihat berupaya memperkukuhkan jiwa anak-anak generasi muda dengan menjadikan modal insan tersebut benar-benar mempunyai satu asas yang kukuh seperti komuniti awal Islam yang begitu mantap apabila Rasulullah SAW menerapkan unsur akidah sebagai tunjang kepada kekuatan serta kecemerlangan komuniti tersebut. Akidah yang kuat akan memberi kemaslahatan kepada umat Islam kerana segala perlakuan dan perbuatan yang dilakukan merupakan satu ibadat dan menjadi satu motivasi untuk terus mengejar amalan yang baik di dunia ini.

## PENUTUP

Secara keseluruhannya, di Malaysia, dapat diteliti bahawa unsur akidah telah terpancar melalui wadah pendidikan di peringkat rendah lagi. Berdasarkan Falsafah Pendidikan Negara (FPN), Falsafah Pendidikan Islam (FPI) dan amalan Ahli Sunnah

Wal Jamaah (ASWJ) yang mendasari keyakinan umat Islam di negara ini. Kesemua perkara yang dibincangkan ini membawa kepada satu penemuan bahawa terdapatnya hubungan paling asas dalam unsur akidah; iaitu berkaitan dengan perihal keimanan dan keyakinan kepada kewujudan Allah dan ciptaan-Nya. Perkara ini terbukti dengan merujuk kepada DSKP dan buku teks pendidikan Islam yang menjurus kepada topik keimanan kepada Allah termasuk nama-nama dan sifat-sifat Allah, Rukun Islam, Rukun Iman dan amalan murni yang disarankan melalui ajaran ASWJ yang dipegang oleh majoriti umat Islam di Malaysia ini. Walau bagaimanapun, unsur akidah tidak disentuh secara mendalam dalam buku teks Pendidikan Islam, namun pada hakikatnya, pengenalan terhadap kewujudan Allah telah diterapkan dalam jiwa dan sanubari murid-murid pada peringkat awal lagi.

## RUJUKAN

*Al-Quran*

*Al-Sunnah*

- Ab. Tamuri & Kamarul Azmi Jasmi. 2009. *Nilai, Amalan, dan Sistem Pendidikan Masyarakat Melayu Islam Selepas Penjajahan Barat hingga Kini: Peradaban Arab-Islam dan Masyarakat Melayu*. Bangi: Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam.
- Abdul Hamid Othman. 1993. *Falsafah Pendidikan Islam: Pelaksanaannya di Institusi-institusi Pendidikan Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Adam Badhrulhisham. 2016. Ahli Sunnah Wal Jamaah dan pemakaiannya di Malaysia: Isu dan cabaran. *Jurnal 'Ulwan* 1: 128-149.
- Ahmad Yunus Kasim & Ab. Halim Tamuri. 2010. Pengetahuan Pedagogikal Kandungan (PPK) pengajaran akidah: Kajian kes guru cemerlang pendidikan Islam. *Journal of Islamic and Arabic Education* 2(2): 13-30.
- Asmawati Suhid & Fathiyah Mohd Fakhruddin. 2010. Gagasan pemikiran falsafah dalam pendidikan Islam: Hala tuju dan cabaran. *Journal of Islamic and Arabic Education* 4(2): 57-70.
- Buku Teks Pendidikan Islam (Tahun Satu-Enam). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran, Pendidikan Islam (Tahun Satu-Enam), Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Harun Nasution, Satria Effandi Zein, Iik Ariffin M. Nur, Muhammad Amin, Yunan Yusuf, Abdul Aziz Dahlan, Suparjo, Nurul Fajri A. R., Hamdan Anwar & Syamsuri. 1992. *Ensiklopedia Indonesia*. Jakarta: Penerbit Djambatan.
- Mardzelah Makhsin, Nurulwahida Hj Azid@Aziz, Mohd Aderi Che Noh & Mohamad Fadhli bin Ilias. 2016. Pengukuhan aqidah Ahli Sunnah Wa Al-Jamaah (ASWJ) dalam pendidikan Islam ke arah menangani gerakan Syiah di Malaysia. *Prosiding International Seminar on Generating Knowledge Through Research*, 25-27 Oktober, UUM-UMSIDA.

- Mohd Shafiee bin Hamzah, Azli Fairuz bin Laki, Rahimah binti Embong & Nik Murshidah Nik Din. 2015. Penerapan akidah dalam dasar pendidikan Malaysia: Analisis terhadap falsafah pendidikan negara dan Islam Hadhari. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 9: 1-11.
- Mohd Yusuf Ahmad. 2004. *Falsafah dan Sejarah Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Muhammad Salih Samak. 1983. *Ilmu Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mustafa Haji Daud. 1996. *Akidah Mukmin*. Kuala Terengganu: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.
- Nur Hafizoh Idris & Rohana Hamzah. 2013. Nilai profesionalisme bakal guru berteraskan indikator Standard Guru Malaysia (SGM). *Jurnal Teknologi* 60: 31-37.
- Shakila Ahmad, Mikdar Rusydi & Rafiuddin Afkari Abdul Fatah. 2013. Usaha memartabatkan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah sebagai pemangkin kelangsungan masyarakat Islam Madani di Malaysia. Kertas kerja dibentangkan di Seminar Kebangsaan Isu Ketamadunan dan Cabaran Semasa (SIKCAS 2013), 27 November, Universiti Sains Malaysia, Penang.
- Sidek Baba. 2017. *Akidah Islam Sifatnya Merentasi*. Kuala Lumpur: Utusan Malaysia.
- Tajul Arifin. 2005. Pendidikan bersepadu dalam Falsafah Pendidikan Negara. Kertas kerja dibentangkan di *Seminar Pendidikan 25 Tahun KUSZA*, 19-20 November, Kolej Agama Sultan Zainal Abidin.

Mohd Haidi Mohd Kasran  
Jabatan Persuratan Melayu  
Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa Melayu,  
59990 Lembah Pantai  
Kuala Lumpur  
E-mel: haidi@ipgkmbm.edu.my

Diserahkan: 13 November 2020  
Diterima: 16 Ogos 2021